



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**USLUB BEDIUZZAMAN SAID NURSI BERBICARA PERIHAL
IMAN MELALUI KITAB RISALAH KALIMAH-KALIMAH
KECIL**

*THE RETHORICAL STYLE OF BEDIUZZAMAN SAID NURSI IN DISCUSSING
FAITH THROUGH KITAB RISALAH KALIMAH-KALIMAH KECIL*

Ibtisam Ibrahim^{1*}, Siti Hafizah Mohamad Nazeer², Mardhiah Sahimi³, Noor Azma Mohamad Khassim⁴, Sadiq Ozata⁵

¹ Department of Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia

Email: ibtisam.ibrahim@usas.edu.my

² Department of Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia

Email: sitihafizah.nazeer@usas.edu.my

³ Department of Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia

Email: mardhiahshahimi@usas.edu.my

⁴ Maahad Syeikh Abdullah Nakhbi

Email: noorazma@gmail.com

⁵ Pertubuhan Pemikiran Badiuzzaman & Risalah Nur, Hayrat Relief Malaysia

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Ibrahim, I., Nazeer, S. H. M., Sahimi, M., Khassim, N. A. M., & Ozata, S. (2025). *Uslub Bediuzzaman Said Nursi Berbicara Perihal Iman Melalui Kitab Risalah Kalimah-Kalimah Kecil*. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 303-311.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040022

Abstrak:

Uslub merupakan cara atau metode yang secara lazimnya digandingkan penggunaannya dalam aspek seni lafaz atau bahasa dalam komunikasi. Keutamaan uslub dalam komunikasi menjadikan penutur lebih kreatif dalam menghuraikan sesuatu makna sesuai dengan tujuan dan tahap pemikiran penerima. Bediuzzaman Said Nursi antara tokoh yang sangat kaya dengan penggunaan seni lafaz dan bahasa dalam berkarya. Karya yang ditinggalkan beliau kebanyakannya ditulis menekankan uslub bahasa penuh hikmah yang menuntut pembaca untuk menyedari dan bertafakur memahami hakikat seorang hamba kepada penciptanya. Penggunaan uslub seperti ini tidak hanya menzhahirkan keberhasilan suatu proses dalam komunikasi tetapi ia juga menjelaskan tentang keberkesanan terhadap ruh, akal dan hati serta emosi manusia bagi memperoleh cara untuk meningkatkan iman di dalam diri. Tujuan artikel ini ditulis untuk mengkaji uslub lafaz dan bahasa yang digunakan Bediuzzaman Said Nursi ketika berbicara tentang iman di dalam diri manusia. Kitab Risalah Kalimah-kalimah Kecil menjadi tumpuan kajian ini kerana sumber isi yang dipersembahkan dalam kitab tersebut adalah dipetik daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW yang dihurai dengan

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



penuh hikmah dan berhati-hati. Data dikumpul menggunakan dokumen khusus iaitu kitab terjemahan dari Bahasa Arab dan Melayu. Seterusnya data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan yang tertumpu kepada uslub bahasa yang digunakan ketika beliau membuat huraian. Hasil perbincangan mendapati Bediuzzaman Said Nursi telah menggunakan aspek perumpamaan, kisah, soal jawab dan seruan sebagai uslub dalam menghurai tentang hakikat iman seorang manusia. Artikel ini dijangka dapat membuka minda masyarakat untuk lebih mengenali tokoh mujaddid ini di samping dapat membentuk fikrah dan diri ke arah acuan kehidupan yang lebih baik.

Kata Kunci:

Uslub Bahasa; Uslub Dakwah; Komunikasi; Karya Tokoh; Bediuzzaman Said Nursi.

Abstract:

Uslub refers to the style or method typically associated with the artistic and rhetorical use of language in communication. The strategic application of uslub enables a speaker or writer to convey meaning more creatively and effectively, in alignment with the audience's cognitive and emotional capacities. Bediuzzaman Said Nursi stands out as a scholar renowned for his masterful use of language and eloquence in his writings. His works consistently reflect a profound linguistic style imbued with wisdom, designed to prompt readers toward deep reflection on the human condition and their relationship with the Creator. This article aims to examine the rhetorical and linguistic style employed by Bediuzzaman Said Nursi in articulating the concept of faith within the human self. The study focuses on *Risalah Kalimah-Kalimah Kecil*, a treatise in which Nursi interprets verses from the Qur'an and prophetic traditions with deliberate care and philosophical depth. Data for this study were obtained from Malay and Arabic translations of the original text, and analyzed through content analysis, with emphasis on the rhetorical strategies employed. The findings indicate that Nursi employs parables, narratives, dialogical exchanges, and exhortations as key rhetorical devices to elucidate the nature of faith. This study highlights how such a method not only facilitates effective communication but also resonates with the soul, intellect, and emotions of the reader, ultimately nurturing a deeper spiritual consciousness. It is anticipated that this article will contribute to greater recognition of Bediuzzaman Said Nursi as a prominent Islamic reformer, while offering insights into the cultivation of thought and character in pursuit of a more meaningful and principled life.

Keywords:

Linguistic Style; Preaching Method; Communication; Scholarly Works; Bediuzzaman Said Nursi.

Pengenalan

Istilah *uslub* pada dasarnya berasal daripada bahasa Arab yang mana penggunaannya telah diserap ke dalam Bahasa Melayu seperti bidang bahasa dan dakwah Islam. Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) mentakrifkan *uslub* sebagai 'cara; gaya (bahasa, penulisan dan sebagainya) untuk mencapai sesuatu tujuan'. Daripada takrif ini, dapat disimpulkan bahawa *uslub* merujuk kepada bentuk penyampaian sama ada dari segi pilihan bahasa, struktur ayat, mahupun pendekatan ketika menyampaikan sesuatu mesej atau hujah. Dalam konteks dakwah, *uslub* inilah yang menjadi aspek utama bagi seseorang pendakwah. Pemilihan *uslub* akan

ditentu dan digunakan sesuai dengan latar belakang dan tahap penerimaan sasaran supaya mesej yang disampaikan dapat diterima baik oleh sasaran. Kepentingan pemilihan *uslub* ini juga menunjukkan ilmu dakwah begitu mengutamakan proses penerimaan sasaran dalam mengupayakan dirinya untuk memahami mesej yang disampaikan dapat dicerna melalui akal, hati dan pancaindera (al-Bayanuni, 2001). Manusia mampu membuat perubahan pada dirinya jika input maklumat yang masuk ke dalam pemikirannya dapat membentuk corak fikiran, sudut pandang, perasaan dan tingkah laku.

Hal ini juga dapat dibuktikan melalui penyebaran risalah-risalah dakwah yang ditulis oleh ulama dan pemikir Islam dengan menggunakan *uslub* tertentu dalam penulisan. Tumpuan risalah yang banyak mengaplikasikan *uslub* yang pelbagai dalam penulisan adalah karya yang ditulis oleh Bediuzzaman Said Nursi (1877–1960). Beliau merupakan tokoh pemikir Islam yang memainkan peranan besar dalam gerakan kebangkitan Islam di Turki semasa dan selepas kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah. Karyanya yang sangat berpengaruh iaitu Risalah al-Nur mengandungi ratusan risalah kecil yang membahaskan pelbagai aspek keimanan dan kerohanian telah ditulis dalam bentuk yang sesuai untuk mendidik masyarakat awam dan para intelektual. Salah satu risalah penting dalam koleksi ini ialah Risalah Kalimah-Kalimah Kecil (*al-Kalimāt*) yang memberikan penekanan khusus terhadap aspek tauhid dan akidah melalui pendekatan *uslub* (Mat, 2003) seperti penceritaan, perbandingan, perumpamaan, perdebatan dan nasihat diri (Ayub, 2015).

Sekilas tentang Bediuzzaman Said Nursi

Beliau merupakan seorang ulama, pemikir dan Mujaddid abad ke-20 yang lahir pada tahun 1877. Beliau merupakan tokoh ulama yang menyaksikan peristiwa besar dalam lipatan sejarah umat Islam apabila beliau sendiri menyertai Perang Dunia Pertama sebagai ketua bagi Angkatan tentera melawan Rusia. Beliau juga menyaksikan kejatuhan Khilafah Turki Uthmaniyyah iaitu berlaku perlucutan sistem khalifah dan diganti dengan penubuhan Republik Turki yang bersifat sekular. Oleh kerana itu, telah disebutkan di dalam risalahnya bahawa kehidupan Said Nursi dapat dibahagikan kepada tiga fasa iaitu Era Said Lama, Era Said Baru dan Era Said Ketiga yang mencerminkan pendekatan perjuangan dakwah dan intelektual berdasarkan refleksi dari dinamika budaya politik dan sosial (Embong et al., 2019).

Manakala dari sudut pendidikan beliau mempunyai kelebihan ingatan yang kuat dan kecerdasan akal yang luar biasa sehingga mampu menghafal keseluruhan al-Quran dalam tempoh dua minggu, serta menghabiskan pelbagai kitab-kitab ilmu Islam. Beliau berjaya mendapatkan sijil akademik yang menyamai pengajian doktor falsafah yang kebiasaannya mengambil masa 15 tahun. Gurunya *Mulla Fethullah* menamakannya *Bedī'uzzamān*, yang bermaksud 'keajaiban zaman', kerana kecerdasan intelektualnya. Beliau telah melalui sistem madrasah yang menekankan disiplin keilmuan tradisional Islam, disamping beliau juga mahir dan menguasai falsafah pendidikan barat moden sehingga mampu menghidupkan semula pemikiran Islam dengan menyediakan rangka kerja untuk memahami isu-isu kontemporari dalam konteks Islam.

Risalah al-Nur merupakan karya agung beliau yang secara tidak langsung menzahirkan konsep *de-westernisasi* dalam upaya menentang dominasi ilmu pengetahuan Barat dan mendorong kepada pandangan dunia Islam sebagai suatu kerangka yang dapat memandu setiap individu supaya kekal dalam pegangan agama dalam dunia kemodenan. Selain itu, beliau turut memperkenalkan pendekatan integrasi di antara disiplin sains moden dan disiplin ilmu

tradisional Islam bagi mengimbangi hubungan di antara ilmu wahyu dan pengkajian saintifik untuk menolak falsafah *ateisme* dan sekular seperti kebendaan dan *naturalisme*.

Kalimah-kalimah kecil merupakan salah satu risalah himpunan penting dalam Risalah al-Nur yang terdiri daripada sembilan kalimat. Kalimah-kalimah Kecil ini merupakan ubat penyakit kelemahan iman yang membincangkan persoalan tauhid, iman dan akhlak serta ibadah secara praktikal dalam bentuk penyampaian yang mudah difahami dengan hujah-hujah rasional terhadap tafsiran ayat-ayat al-Quran. Risalah kecil ini menggunakan metode tafsir tematik yang mengajak pembaca tafakur dengan menekankan penggunaan perumpamaan dan perbandingan untuk menjelaskan sesuatu masalah (Syauqi, 2017).

Sorotan Kajian

Terdapat beberapa kajian membincangkan tokoh pemikir Bediuzzaman Said Nursi. Kebanyakan kajian membincangkan hasil karyanya yang banyak meninggalkan kesan *islah* kepada diri manusia. Antara salah satu faktor hasil karyanya menjadi tumpuan masyarakat dan para intelektual sehingga ke hari ini adalah dari sudut *uslub* yang digunakan. *Uslub* bahasanya yang penuh hikmah menuntut pembaca menyedari dan bertafakur memahami hakikat seorang hamba kepada penciptanya. Penggunaan *uslub* seperti ini tidak hanya menzahirkan keberhasilan suatu proses dalam komunikasi tetapi ia juga menjelaskan tentang keberkesanan intipati dakwah mampu *divalidasi* oleh ruh, akal dan hati manusia bagi memperoleh cara untuk meningkatkan iman di dalam diri. Kajian Fatah Yasin et al., (2023) turut menjelaskan bahawa Bediuzzaman Said Nursi mempunyai kelebihan dalam membuat huraian terutama ketika membahaskan ayat-ayat al-Quran. Ayat al-Quran yang dibahas beliau adalah secara mendasar dan realistik yang mana boleh diterima pakai oleh golongan ilmuwan mahupun masyarakat awam. Ini dapat dilihat pada kaedah huraian beliau yang menggunakan kaedah bahasa dan balaghah serta imu kalam dengan membandingkan akal dan realiti kehidupan (Fatah Yasin et al., 2023).

Secara realitinya karya Bediuzzaman Said Nursi telah mendapat perhatian golongan ilmuwan dan intelektual untuk mengkaji semula keistimewaan Risalah al-Nur yang pada asalnya ditulis untuk menyelamatkan masyarakat Turki dari masalah fahaman sekular. Kemelut masalah yang dihadapi rakyat Turki diselamatkan dengan acuan fikrahnya yang sarat dengan elemen simbolik, logik dan emosional. Hasil telaah Amir & Abdul Rahman (2023) terhadap tafsir Risalah al-Nur menunjukkan bahawa Bediuzzaman said Nursi mampu merumuskan fungsi al-Quran dan hadis dan menghubungkannya dengan pemahaman wahyu dan sejarahnya serta pembentukan hukum dan falsafahnya. Ini dimanifestasikan secara empirik dan ilmiah melalui perbandingan dan analogi yang memberikan pembuktian yang mendasar tentang dalil-dalil kemukjizatannya dan pengaruhnya dalam memperkuat keyakinan tauhid dan psikologi keagamaan umat. Ia ditulis untuk menyeru manusia di zamannya untuk beriman kepada Allah, yang seterusnya menjadi sarana dakwah untuk mengajak manusia memperhatikan keajaiban alam dan mencerna tanda-tanda kewujudan Tuhan daripada pertimbangan fikiran yang sihat (Amir & Abdul Rahman, 2023).

Selain itu, hasil karya tulisan beliau ini juga secara tidak langsung telah menembusi sempadan ilmu-ilmu yang lain terutama dalam aspek membangunkan semula semangat *islah* di dalam diri manusia. Hj. Mohd Noor et al., (2022) menyatakan bahawa apa yang ditinggalkan oleh Bediuzzaman Said Nursi adalah satu khazanah yang boleh digunakan pada mana-mana zaman kerana gaya dan teknik komunikasi lisan dan bukan lisan yang diketengahkan beliau begitu bertepatan dengan suasana dan cabaran dakwah pada zaman yang semakin mencabar ini.

Pendekatan komunikasi yang digunakan beliau secara asasnya terbangun daripada asas-asas tasawuf iaitu *al-‘ajz* (kelemahan), *al-faqr* (kefakiran), *al-syafaqah* (belas kasihan), dan *al-tafkir* (berfikir) (Amir & Abdul Rahman, 2023) jelasnya harus menjadi sentuhan baharu supaya dapat memantapkan lagi kerja dakwah hari ini kerana sasaran dan pendakwah kedua-duanya tidak terlepas dari ujian berdakwah kepada diri sendiri dan orang lain.

Metodologi Kajian

Dengan menggunakan kaedah kualitatif, data kajian ini dikumpul menggunakan dokumen khusus iaitu kitab Risalah Kalimah-Kalimah Kecil yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab dan Melayu. Kedua-dua versi ini dipilih kerana berdasarkan kredibilitinya dari beberapa aspek. Pertama, dari segi proses terjemahan yang telah dilalui beberapa tapisan, iaitu di peringkat para penterjemah yang terdiri daripada orang Turki yang mahir berbahasa Arab dan Melayu serta orang Melayu yang mahir dalam bahasa Turki. Kedua, teks Risalah al-Nur yang telah selesai diterjemah, kemudiannya akan disemak dan dibandingkan semula menurut buku-buku asal Risalah al-Nur. Seterusnya data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan yang ditemakan secara khusus tentang *uslub* bahasa yang digunakan ketika menghuraikan tentang keimanan.

Dapatan dan Perbincangan

Secara umum metode dakwah komunikasi Bediuzzaman Said Nursi dibahagikan kepada dua elemen iaitu komunikasi lisan (*verbal*) dan komunikasi bukan lisan (*non-verbal*). Pembahagian ini diklasifikasikan sedemikian kerana pembukuan Risalah al-Nur merupakan koleksi dari himpunan pengkajian dan riwayat keperibadian Bediuzzaman Said Nursi yang banyak ditulis oleh anak murid (*Tullab al-Nur*) (Hj. Mohd Noor et al., 2021). Hal ini menjelaskan bahawa telah berlaku pindahan ilmu (*transfer knowledge*) dalam kalangan mereka dan secara tidak langsung menjadikan Risalah al-Nur sebagai sumber risalah dakwah yang sesuai dirujuk bagi sesiapa yang berada dalam arena dakwah *islah* dan selainnya.

Bagi tujuan dakwah *islah*, kajian ini memfokuskan kepada *uslub* yang digunakan Bediuzzaman Said Nursi tentang iman. Merujuk kepada topik pertama dalam Risalah Kalimah-Kalimah Kecil, Bediuzzaman Said Nursi membahas kalimah *Bismillah* (Dengan Nama Allah) ini secara mendalam dan maknawi. Risalah bagi kalimah *Bismillah* ditafsir secara spiritual dan nasihat kepada nafsu. Bediuzzaman Said Nursi menafsirkan kalimah *Bismillah* ini tidak hanya sekadar sebagai bacaan pembuka, tetapi sebenarnya sebagai kalimat yang mengandungi kekuatan dan hikmah yang sangat besar. Sebagai permulaan, Bediuzzaman Said Nursi memulakan huraian dengan *uslub* lafaz seruan yang cukup menarik iaitu;

Wahai Saudara! Engkau telah meminta beberapa nasihat daripadaku. Oleh sebab engkau adalah seorang askar, maka dengarlah lapan cerita pendek melalui kias ibarat ketenteraan berserta beberapa hakikat bersama nafsuku. Ini kerana, aku melihat nafsuku lebih berhajat kepada nasihat berbanding dengan semua orang lain.

Bismillah (بسم الله) ialah permulaan setiap kebaikan. Kami juga bermula dengannya pada permulaan. Ketahuilah wahai nafsuku! Sebagaimana kalimah yang diberkati ini menjadi syiar Islam. Ia juga merupakan wirid lidah semua *maujudat* melalui *lisan al-hal* (bahasa yang difahami melalui keadaan) mereka.

Daripada risalah tersebut, konsep penulisan risalah ini menyentuh elemen *tanbih* (peringatan) yang mana banyak menekankan *ushub* perumpamaan, kisah, soal jawab dan seruan. Menurut Ramlan & Muhammad Nawawi (2021), elemen *tanbih* ini mampu memberi kesan kepada aspek psikologi dan fisiologi manusia. Aspek psikologi adalah dorongan untuk melakukan sesetengah perbuatan atau rangsangan terhadap sesetengah deria dan perasaan, atau peningkatan keaktifan minda kerana kesan beberapa faktor luaran. Manakala, dari sudut ilmu fisiologi pula ia mampu memberi rangsangan terhadap hujung saraf-saraf deria yang dapat menghasilkan tindakan refleksi yang zahir atau menghasilkan satu tindak balas terhadap sel-sel badan atau jiwa atau anggota-anggota badan. *Tanbih* dari sudut istilah yang sesuai di dalam kajian ini ialah menarik perhatian pihak kedua dengan kaedah ungkapan yang tertentu oleh pihak pertama untuk merangsang minda, deria serta perasaan seseorang terhadap sesuatu perkara.

Bediuzzaman Said Nursi menyatakan bahawa apabila ada yang berhajat untuk meminta nasihat daripadanya, maka dia memberitahu bahawa nafsunya lebih utama berhajat memerlukan nasihat daripada orang lain. *Ushub* ajakan beliau ini menekankan konsep nasihat kepada diri sendiri atau dengan kata lainnya merendahkan nafsu sendiri. Di awal huraian beliau memulakan dengan kalimah *Bismillah* dan memulakan nasihat tersebut adalah untuk dirinya (Qzata, 2015). Daripada sudut pandang ulama dakwah, pendekatan yang dilakukan Bediuzzaman Said Nursi ini bertepatan dengan konsep *asliḥ nafsak waḍ'u ghairak* (ubahlah dirimu dan serulah kepada yang lain) yang mana seruan ini begitu sarat dengan tanggungjawab untuk memahami diri sendiri dan orang lain tentang akidah dan kekuatan iman (Masyhur, 2020).

Bagi menjelaskan inti pati tafsiran kalimah *Bismillah*, Bediuzzaman Said Nursi menjelaskan bahawa dengan menyebut 'Nama Allah SWT' pada permulaan setiap perbuatan, adalah menunjukkan terdapat sumber kekuatan spiritual dan keberhasilan yang akan menghubungkan manusia dengan kekuasaan Ilahi. Dengan demikian, kalimah *Bismillah* menjadi simbol keimanan dan ketergantungan sepenuhnya manusia kepada Allah SWT dalam segala urusan hidup. Kenyataan ini jelas diungkapkan dalam risalah ini dengan didatangkan *ushub* hikayat dalam perumpamaan berikut;

Orang yang mengembara di padang-padang pasir Arab perlu menggunakan nama ketua kabilah dan bernaung di bawah perlindungannya. Ini supaya dia terselamat daripada kejahatan para penjahat lalu dapat mencapai hajatnya. Jika tidak, dia akan menderita menghadapi musuh dan segala keperluannya yang tiada batasan secara bersendirian.

Demikianlah, untuk pengembaraan yang sebegini, dua orang keluar berjalan ke padang pasir. Seorang daripada mereka bersifat tawaduk manakala seorang lagi bersifat sombong. Si tawaduk itu telah mengambil nama seorang ketua, sedangkan si sombong tidak mengambilnya. Yang mengambilnya, mengembara dengan selamat di semua tempat. Jika terserempak dengan penyamun, dia berkata: "Aku mengembara dengan nama si ketua iaitu fulan."

Justeru, wahai nafsuku yang sombong! Engkaulah pengembara itu. Dunia ini pula sebuah padang pasir. Kelemahan dan kefakiranmu tidak bersempadan. Musuh dan hajatmu tidak berpenghujung. Oleh yang demikian, ambillah nama *Al-Malik* (Pemilik) yang Abadi dan *Al-Hakim* (Penguasa) yang Azali bagi padang pasir ini agar engkau terselamat daripada perbuatan mengemis daripada seluruh alam semesta dan menggigil di hadapan tiap-tiap kejadian.

(Risalah Online; Risalah Kalimah-Kalimah Kecil, 2021)

Berdasarkan hikayat perumpamaan tersebut, Bediuzzaman Said Nursi cuba menerangkan bagaimana hakikat iman itu dapat difahami oleh akal manusia. Beliau menjelaskan hakikat iman dengan memberi perumpamaan tentang nasib dua orang yang mengembara di padang pasir. Hakikat dari padang pasir adalah merujuk kepada dunia yang merupakan tempat persinggahan yang tidak kekal lama. Ketua padang pasir ini adalah Allah (iaitu milik Allah) yakni ada yang menjaganya. Manusia adalah pengembara dan mereka bukanlah penghuni abadi malah hanya tetamu yang sekadar singgah di sesebuah tempat bagi memaknai sebuah kehidupan. Namun, untuk memaknai kehidupan di dunia manusia tidak boleh membiarkan akal, hati dan pancainderanya daripada tidak menyebut nama Allah. Hanya dengan kalimah *Bismillah* membuktikan manusia telah berserah diri kepada Allah SWT. Dengan izin Allah SWT, manusia akan mendapat apa yang dikehendakinya dan tidak akan mudah untuk merasa takut dengan mana-mana musuh. Ini kerana, hikmah daripada kalimah khazanah *Bismillah* ini memberi maksud bahawa kita bersandar sepenuhnya dengan kekuatan Allah SWT dan itulah keberkatan yang dapat digarap daripada kalimah tersebut (Ozata, 2015). Daripada gaya *uslub* perumpamaan sebegini menjadikan penyampaian bukan sahaja dapat difahami secara akal tetapi dapat juga dihayati dengan imaginasi dan rasa dari hati.

Selain itu, terdapat juga *uslub* soal jawab dalam risalah ini yang cuba digambarkan Bediuzzaman Said Nursi tentang hakikat iman. Beliau sering memulakan dengan pertanyaan seolah-olah sedang berbicara langsung dengan pembaca dan kemudian menjawab persoalan tersebut. Daripada penggunaan *uslub* seperti ini menjadikan pembaca mengupayakan untuk berfikir dan merenung. Sebagai contoh yang dibaca dalam risalah Kalimah-kalimah Kecil ini apabila beliau mendatangkan persoalan tentang “apakah harga yang diinginkan oleh Allah merupakan Pemilik Harta yang sebenar?”

Ozata (2015) dengan bahasa lainnya menjelaskan “Apa harga yang Allah nak dapat dari kita terhadap nikmat yang telah diberi?” Hakikatnya terdapat tiga perkara yang Allah SWT mahukan daripada manusia iaitu zikir, syukur dan tafakur. *Bismillah* ialah ucapan awal yang perlu diucapkan oleh manusia, yang mana apabila manusia menyebut alhamdulillah itu adalah tanda mereka sudah mula bersyukur. Hakikat syukur juga mampu menunjukkan kedudukan manusia yang sepatutnya sentiasa menghadapkan diri bukan kepada nikmat yang diberi tetapi kepada yang memberi nikmat tersebut (Awang, 2023). Namun begitu, untuk tahu bersyukur manusia perlu berusaha untuk berfikir. Apabila mereka sudah mampu berfikir, keadaan itu menunjukkan bahawa itulah sebenarnya cara Allah SWT menghantar iman kepada manusia, yakni melalui jalan penghambaan (*Ubudiyyah*). Manusia perlu berusaha memahami tentang hakikat penciptaan diri dan bagaimana hendak menghubungkannya kekuasaan Allah SWT.

Dengan menekankan aspek tafakur tentang hak-hak ciptaan Allah yang lain (*maujudat*) menjelaskan mereka juga turut berperanan dan berkhidmat dengan cara mereka tersendiri. Dalam Risalah Ikhlas dan Ukhuwwah, Bediuzzaman Said Nursi juga menekankan bahawa

‘iman yang sebenar akan melahirkan tanggungjawab terhadap sesama manusia, makhluk lain dan alam sekitar’. Hal ini supaya manusia lebih memaknai rasa syukurnya dan menjadi manusia yang sebenar-benar manusia. Itulah kepentingan kalimah *Bismillah* yang sepatutnya diamalkan dalam setiap gerak kerja seorang manusia bergelar hamba. Daripada gaya bahasa yang digunakan Bediuzzaman Said Nursi dalam risalah kalimah pertama ini, hakikat iman dalam penjelasan *Bismillah* telah menggunakan *uslub tanbih* supaya dapat merangsang minda, deria dan perasaan *mad‘u* bagi memanifestasikan kalimah tersebut melalui proses tafakur dan *islah*.

Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan perbincangan, iman merupakan tunjang kehidupan bagi seseorang manusia dalam perjalanan kehidupan dunia dan akhirat iaitu kebahagiaan sebenar. Bediuzzaman Said Nursi menjelaskan bahawa iman adalah cahaya yang Allah SWT tinggalkan dalam hati seorang hamba setelah *tasdiq* terhadap keimanan dan keislaman tersebut. Ia juga bukan sekadar keyakinan, tetapi satu cahaya dan kekuatan yang menjalar ke dalam akhlak, perbuatan, ibadah, malah hubungan sosial. Keunikan Bediuzzaman Said Nursi memperihalkan iman dalam pelbagai *uslub* sebenarnya hendak menjelaskan bahawa memahami hakikat iman perlu dibina berasaskan kesedaran yang mendalam kerana iman tidak hanya berkait isu intelektual tetapi tentang kerinduan rohani dan fitrah bertuhan. Dengan menggunakan elemen kisah, perumpamaan dan soal jawab serta seruan dalam huraian telah mengikat ufuk akal, ruh, hati dan emosi para pembaca agar lebih teliti dalam mencerna isi Risalah Kalimah-Kalimah Kecil yang secara langsung menjawab tentang pencarian makna dalam diri insan.

Penghargaan

Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan pensyarah atas sumbangan idea yang dicurahkan dan para pengajar Kitab Risalah Nur dari Hayrat Relief Malaysia yang sudi membuat bacaan pruf terhadap keseluruhan teks penulisan ini.

Rujukan

- Al-Bayanuni. (2001). *Al-madkhal ila ‘ilmi al-da‘wah*. Beirut: Mua’sasah al-Risalah.
- Amir, N. A. & Abdul Rahman, T. (2023). Telaah Ringkas Kitab Risalah Al-Nur oleh Said Nursi. *Jurnal Kajian dan Pengembangan Umat*, 6(2), 186-193.
- Awang Abd Rahman, A. (2023). Hakikat Syukur melalui Tadabbur Alam: Jambatan kepada Nilai *Ubudiyah* yang Sebenar dalam Inspirasi Said Nursi Peranan Kerohanian dalam Kehidupan. Kuala Lumpur: AHAS KIRKHS & Penerbit Hayrat.
- Ayub, M. N. (2015). Pemikiran Pendidikan Islam Menurut Badiuzzaman Said Nursi dalam Risalah Nur (Tesis Sarjana). Universiti Malaya.
- Bediuzzaman Said Nursi. (2013). *Al-Kalimat al-Saghirah*. Kaherah: Dar al-Sanabil al-Zahabiyyah.
- Bediuzzaman Said Nursi. (2021). *Kalimah-Kalimah Kecil*. Pusat Penterjemahan dan Kajian Ilmiah Penerbitan Hayrat (Penterj.). Kuala Lumpur: Mudah Urus Enterprise Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2014). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Embong, R., Adam, F., Mat @ Mohamad, M. Z., & Md Lateh @ Junid, H. (2019). Badiuzzaman Said Nursi Penerus Peradaban Insan. *Jauhar*, 3(2), 77-81.
- Fatah Yasin, R. F., Fatah Yasin, M. D. H. & Fatah Yasin, M. M. H. (2003). Kajian Analisis dari Risalah Nur oleh Imam Badiuzzaman Said Nursi untuk Pembentukan Minda yang Sejahtera. *Jamalullail Journal*, 2(1), 42-63.

- Hj. Mohamad Noor, M., Hj. Suyurno, S.S. & Mohd Sairi, F. (2022). Konsep Komunikasi Dakwah Bukan Lisan (*Non-Verbal*) Badiuzzaman Said Nursi Berdasarkan Kitab Rasail An-Nur. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(2), 65-72.
- Masyhur, M. (14 November 2020). Aslih nafsak wad'u ghairak. *Retrieved*: <https://www.ikhwanonline.com/article/242204>. Diakses pada 26 April 2025.
- Mat, M. Z. (2003). Badiuzzaman Said Nursi Sejarah Perjuangan dan Pemikiran. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ozata, S. (10 Mac 2015). Wacana Risalah An-Nur, Kalimah Pertama. *Retrieved*: <https://youtu.be/yGogjAK054U?feature=shared>. Diakses pada 26 April 2025.
- Ramlan, M. A. F. & Muahmmad Nawawi, M. A. A. (2021). Variasi Pemaknaan *Uslub Al-Tanbih* dalam Al-Quran. *International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 13-25.
- Risalah Online. <https://risalahonline.com/>. Diakses pada 26 April 2025.
- Syauqi, M. L. (2017). Mengenal Risalah Nur Karya Said Nursi dan Metodologi Penafsirannya. *Maghza*, 2(1), 109-124.